



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK AZIZI BIN MATT ROSE,  
TOKOH LAGENDA BOLA SEPAK NEGERI PERLIS DAN MALAYSIA  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PEMAIN BOLA  
SEPAK PROFESIONAL**

**MUHAMMAD ISKANDAR BIN ZULKARNAIN**

**(2020816842)**

**MUHAMMAD ARIFF BIN ABU BAKAR**

**(2020869302)**

**SEMESTER MAC- OGOS 2022**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK AZIZI BIN MATT ROSE,  
TOKOH LAGENDA BOLA SEPAK NEGERI PERLIS DAN MALAYSIA  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PEMAIN BOLA SEPAK  
PROFESIONAL**

**MUHAMMAD ISKANDAR BIN ZULKARNAIN**

**(2020816842)**

**MUHAMMAD ARIFF BIN ABU BAKAR**

**(2020869302)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC- OGOS 2022**

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>iii</b>
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL</b>	
<b>1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1</b>	<b>1</b>
<b>1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2</b>	<b>2</b>
<b>2.0 BIODATA TOKOH</b>	<b>3</b>
<b>3.0 PENGENALAN</b>	<b>4</b>
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>5-6</b>
<b>5.0 TRANSKRIP PENEMUBUAL</b>	<b>7-32</b>
<b>6.0 RALAT</b>	<b>33</b>
<b>7.0 RINGKASAN TEMUBUAL</b>	<b>34</b>
<b>8.0 LOG TEMUBUAL</b>	<b>35-36</b>
<b>9.0 KESIMPULAN</b>	<b>37</b>
<b>10.0 INDEKS</b>	<b>38</b>
<b>11.0 RUJUKAN</b>	<b>39</b>
<b>12.0 BIOGRAFI TOKOH</b>	<b>40</b>
<b>13.0 SURAT KEBENARAN TOKOH</b>	<b>41</b>
<b>14.0 PERJANJIAN BERSAMA ENCIK AZIZI BIN MATT ROSE</b>	<b>42</b>
<b>15.0 SENARAI SOALAN UNTUK TOKOH</b>	<b>43-49</b>
<b>16.0 DIARI PENYELIDIKAN</b>	<b>50-51</b>
<b>17.0 GAMBAR, PIALA DAN BAHAN-BAHAN LAIN YANG BERKAITAN</b>	<b>52-54</b>

## **ABSTRAK**

*Tokoh boleh dikatakan seseorang yang banyak memberi sumbangan kepada negara tidak kira dalam bidang apa jua yang diceburi. Sebelum mereka dilupakan dan diluput oleh zaman, maka terhasil satu pendokumentasian lisan yang berfokuskan kepada biografi pemain sukan negara iaitu permainan bola sepak yang banyak menyumbang kepada negara. Temubual bersama tokoh sukan bola sepak yang mempunyai pengalaman dalam bidang mereka iaitu Encik Azizi Matt yang merupakan pemain bola sepak kebangsaan dan mempunyai pengalaman yang luas dalam permainan bola sepak. Hasil temubual dan sejarah lisan bersama tokoh ini yang semestinya pakar dalam bidang permainan bola sepak dan khusus dirakam melalui pendokumentasian ini. Bermula dari sukan bola sepak semasa sekolah rendah sehinggalah ditarik masuk oleh jurulatih sukan bola sepak disebabkan tubuh badan yang kecil maka terjadilah tokoh pemain bola sepak yang banyak menyumbang kepada negara apabila setiap perlawanan yang disertai memberi impak besar kepada ahli pasukannya dan juga pasukan lawan. Pendokumentasian ini membincangkan biografi tokoh pemain bola sepak ini daripada awal penglibatan beliau sehingga mampu menaikkan nama beliau terkenal di Malaysia*

***Kata kunci:*** Tokoh, Bola sepak, Sumbangan, Pemain Bola sepak, Malaysia, Perlis.

## **ABSTRACT**

*A figure can be said to be someone who contributes a lot to the country no matter what field he is involved in. Before they were forgotten and forgotten by the times, then an oral documentation was produced that focused on the biographies of the country's sports players, namely the game of football which contributed a lot to the country. Interview with football figures who have experience in their field, namely Mr. Azizi bin Matt Rose who is national football players and have extensive experience in the game of football. The results of interviews and oral history with these figures who are necessarily experts in the field of football and specifically recorded through this documentation. Starting from football during primary school until being pulled in by a football coach due to his small body, there are football players who contribute a lot to the country when every match they participate in has a big impact on their team members and the opposing team. This documentation discusses the biography of this football player from the beginning of his involvement to be able to raise his name famous in Malaysia.*

***Keywords:*** Figure, Football, Contribution, Football Player, Malaysia, Perlis.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu puji dan syukur kepada Tuhan, di atas berkat yang diberikan kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah (IMR604) iaitu Encik Mohd Nazir Bin Ahmad yang telah memberikan ilmu dan membimbing kami sepanjang menyiapkan tugas ini.

Selain itu, kami berterima kasih kepada ibu bapa kami di atas sokongan dan galakkan yang diberikan kepada kami dalam menyempurnakan tugas ini. Seterusnya, tidak lupa juga kami ucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat kerana bekerjasama dengan kami dalam menyiapkan tugas ini. Sesungguhnya Kerjasama yang diberikan oleh pihak tokoh amatlah kami hargai.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu secara langsung dan tidak langsung. Sekian terima kasih.

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	SEBUTAN PENUH
AMR	Azizi Matt Rose
MIZ	Muhammad Iskandar Zulkarnain
AAB	Ariff Abu Bakar
PDRM FC	Polis Di-Raja Malaysia Football Club
AFF	Asean Football Federation
M3	Liga Malaysia Devisi 3
M4	Liga Malaysia Devisi 4
M5	Liga Malaysia Devisi 5
JDT	Johor Darul Takzim
ACL	Anterior Cruciate Ligament
FAM	Football Association Malaysia

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1



<b>NAMA</b>	MUHAMMAD ISKANDAR BIN ZULKARNAIN
<b>TARIKH LAHIR</b>	13 JULAI 1999
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KEDAH MEDICAL CENTER, ALOR SETAR, KEDAH
<b>ALAMAT</b>	NO. 14, LORONG MUHIBBAH, BATU 1 ¼, JALAN RAJA SYED SAFFI, 01000 KANGAR, PERLIS
<b>NAMA UNIVERSITI</b>	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS PUNCAK PERDANA
<b>NO. METRIK</b>	2020816842
<b>KURSUS</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT (IM 245)
<b>NO. TELEFON</b>	019 - 4545888
<b>E-MEL</b>	muhammadiskandar1307@gmail.com

### 1.2

## BIODATA PENEMUBUAL 2



<b>NAMA</b>	MUHAMMAD ARIFF BIN ABU BAKAR
<b>TARIKH LAHIR</b>	14 APRIL 1999
<b>TEMPAT LAHIR</b>	HOSPITAL KAJANG, KAJANG, SELANGOR
<b>ALAMAT</b>	NO 6, JALAN 2/3, TAMAN IMPIAN PUTRA, IMPIAN PUTRA, 43000, KAJANG, SELANGOR
<b>NAMA UNIVERSITI</b>	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS PUNCAK PERDANA
<b>NO. METRIK</b>	2020869302
<b>KURSUS</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT (IM 245)
<b>NO. TELEFON</b>	011 - 21923280
<b>E-MEL</b>	arienab99@gmail.com



## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>NAMA</b>	AZIZI BIN MATT ROSE
<b>TARIKH LAHIR</b>	06 NOVEMBER 1981
<b>TEMPAT LAHIR</b>	HOSPITAL KANGAR
<b>ALAMAT</b>	B5-B6 Arked Simpang Empat, Jalan Kangar- Alor Setar, 02700 Simpang Empat Perlis.
<b>NO. TELEFON</b>	0 13 - 4884730

### 3.0 PENGENALAN

Sejarah bola sepak di Malaysia bermula dengan tertubuhnya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) atau Pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 1920 dengan pimpinan Andrew Caldecott. Caldecott menubuhkan Persatuan Bola Sepak Malaysia pada tahun 1920 di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bagi menggiatkan aktiviti sukan bola sepak dan untuk berusaha bagi melepaskan Tanah Melayu daripada kolonialisme Inggeris dan Jepun. Sejak detik itu, aktiviti bola sepak semakin kerap digerakkan oleh FAM dan semakin banyak rakyat yang gemar bermain bola sepak di dataran tempat Piala HMS Malaya (kini Piala Malaysia) dianjurkan. Sebagai bentuk sokongan terhadap kebangkitan "Bola Sepak Kebangsaan", maka Stadium Nasional Bukit Jalil akhirnya dibangun pada tahun 1993 sehingga 1998 dan dibuka pada tahun 1998 sempena Sukan Komanwel 1998 yang telah memperhebat dunia bola sepak di Malaysia.

Selain itu, sukan ini mempunyai 2 gol iaitu gol pihak lawan dan pihak pasukan sendiri. Oleh itu, secara tak langsung permainan bermatlamat untuk menjaringkan gol dan sekiranya situasi perlawanan, dimana bilangan jaringan gol adalah sama, perlawanan akan ke penalti "*shout out*". Seterusnya, jumlah pemain untuk permainan ini adalah 11 orang seperti sukan hoki dan juga ragbi. Jangan lupa juga, kasut bola sepak yang telah dibentuk khas seakan akan bentuk 'j'. Seterusnya, bola sepak adalah berbentuk sfera dan keras. Pemukaanya juga licin dan beratnya juga antara 400g - 410g.

Oleh itu, terdapat 1 tokoh yang dipilih untuk kajian ini, iaitu tokoh pertama yang kami pilih untuk projek ini ialah Azizi Matt Rose. Beliau seorang yang rendah diri dan peramah tetapi pada masa yang sama, beliau telah lama berjasa kepada negara kita iaitu Malaysia. Beliau merupakan pemain bola sepak kebangsaan yang telah berusia 41 tahun daripada Kangar, Perlis. Beliau dilahirkan pada 06 November 1981. Azizi Matt Rose telah bermain untuk pasukan bola sepak Malaysia yang membawa pulang pingat perak pada Sukan Asia 2010. beliau yang sering dikenali dengan nama panggilannya "Aji," membuat penampilan sulung seniornya di luar negara pada tahun 2005. Beliau berjaya diserap ke skuad senior negeri kelahirannya. Pada waktu itu merupakan zaman kegemilang Perlis yang menjadi gergasi bola sepak Malaysia pada 2002-2006. Tugas beliau sebagai pertahanan membuatkan beliau berpeluang menganggotai skuad untuk kejohanan Piala Asia 2007. Bersama Perlis, beliau berjaya mendakap Liga Super dan Piala Malaysia untuk dua tahun( 2004 dan 2006).

#### 4.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian ini adalah kajian mengenai pemain sukan bola sepak di Malaysia. Sebagai permulaannya, hoki adalah sukan padang dimana ia melibatkan 11 orang setiap pasukan. Untuk masa permainan, ia akan dipecahkan kepada 45 - 5- 45 minit dengan jumlah satu permainan 90 minit. Untuk memenangi permainan ini, setiap pasukan mestilah menjaringkan bola dengan ukuran saiz yang ke gawang gol pihak lawan menggunakan kasut bola sepak yang telah dibentuk bersesuaian dengan permainan ini. Jaringan terbanyak sehingga masa permainan tamat akan dikira pemmenang dan setiap perlawanan akan dikendalikan oleh pengadil bagi melancarkan permainan dan mengelakan perkara yang mampu mengganggu permainan untuk terus berlangsung. Berbagai-bagai jenis permainan bola juga telah diperkenalkan pada Zaman Pertengahan Eropah. Pada abad ke-19, permainan bola di sekolah-sekolah United Kingdom (yang mempunyai cara permainan yang berlainan mengikut sekolah) menjadi lebih terkenal. Lantaran itu, cara permainannya juga lebih teratur. Undang-undang awal diperkenalkan bagi menyeragamkan cara permainan yang berlainan itu dan memudahkan pemain-pemain. Persatuan Bola Sepak England (The Football Association) telah ditubuhkan pada 1863 oleh beberapa kelab bola sepak. Persatuan ini berjaya menggubal undang-undang formal bola sepak yang pertama di dunia. Undang-undang ini kemudian berkembang menjadi Undang-undang Bola Sepak hari ini.

Selain itu, Malaysia telah melahirkan ramai pemain-pemain yang berbakat di seluruh dunia dan mampu untuk membentuk pasukan kebangsaan yang boleh bersaing dengan pemain daripada Benua Eropah, walaupun mempunyai kekurangan daripada bentuk badan fizikal kerana mereka mempunyai badan yang jauh lebih besar dan tinggi. Menurut (Bernama, 2022), Beliau, Datuk Seri Subahan Kamal menjelaskan bahawa faktor fizikal yang dimiliki kebanyakan pemain Eropah merupakan faktor utama yang memisahkan antara pasukan negara dan pasukan-pasukan dari benua berkenaan. Ini menjelaskan bahawa, pasukan daripada Eropah sangat memberikan tantangan yang hebat namun, pasukan kebangsaan masih percaya bahawa, mereka mampu mengatasi gergasi eropah tersebut.

Seterusnya, kajian ini mengenai biography Azizi Matt Rose. Beliau seorang pemain bola sepak dan telah bermain untuk negara sudah melebihi 15 tahun. Dalam tempoh tersebut beliau telah bermain dengan pelbagai kelab antaranya pasukan bola sepak Perlis. menurut (Ali, 2021), “Pujian khususnya kepada Azizi Matt Rose yang membuktikan keupayaan masih berbisa. Andaikata kami mempunyai lebih ramai pemain seperti beliau, saya yakin Malaysia mampu takluki bola sepak dunia,”. Ini kerana beliau telah berjaya membawa pasukan tersebut menjadi juara setelah menang melawan Selangor FC dalam kejuaraan Liga Super dan Piala Malaysia (2004 dan 2006). Kehadiran beliau sangat membantu pasukan itu untuk terus menjadi juara buat kali kedua. Oleh itu, generasi muda perlu mencontohi beliau dan bukan sahaja pada aspek sukan namun juga boleh dijadikan contoh dalam bidang pembelajaran.

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

*(AZIZI BIN MATT ROSE)*

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan Bersama Encik Azizi Bin Matt Rose yang merupakan lagenda bola speak Perlis dan bekas pemain bola sepak kebangsaan mengenai pengalaman beliau sebagai pemain bola sepak dan biografi kehidupan beliau. Rakaman suara ini dijalankan secara atas talian menggunakan pesanan suara melalui aplikasi ‘Whatsapp’ pada 3hb Julai 2022 jam 10.30 malam. Wawancara ini dikendalikan oleh Muhammad Iskandar Bin Zulkarnain dan dibantu oleh Muhammad Ariff Bin Abu Bakar. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

**MIZ : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T. Terutama sekali saya mahu ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Encik Azizi kerana sudi meluangkan masa dan sudi untuk bekerjasama untuk mengadakan sesi temu bual ini. Tanpa membuang masa kita teruskan kepada soalan yang pertama. Apakah nama penuh Encik Azizi dan Encik Azizi berasal dari mana?**

**AMR : Waalaikumussalam W.B.T. Terima kasih kepada Encik Iskandar Zulkarnain. Nama penuh saya Azizi Bin Matt Rose. Saya berasal dari Kangar, Perlis.**

**MIZ : Soalan seterusnya, apakah nama gelaran Encik Azizi? Mungkin Encik Azizi ada nama gelaran yang tersendiri.**

**AMR : Nama gelaran kalau di Perlis ni orang panggil ‘Mat Remm’. Tapi, kalau di Kelantan orang panggil ‘Jiji’. Tapi, yang orang dah [sudah] lama dengan kita [saya] itu orang panggil ‘Zizi’. Tetapi, nama gelaran kalau di Perlis ini orang kenal dengan ‘Mat Rem’.**

**MIZ : Ya, memang betul. Dalam kalangan peminat bola sepak Perlis dan saya sendiri sebagai peminat bola sepak Perlis memang mengenali Encik Azizi Matt Rose ni sebagai ‘Matt Rem’ dalam bola sepak Perlis ni. Okey kita teruskan kepada soalan**

**yang seterusnya. Okey, bilakah Encik Azizi dilahirkan dan sekarang berapakah umur Encik Azizi? Dan untuk tambahan, dimanakah Encik Azizi dilahirkan?**

AMR : Umur saya sekarang 41. Saya lahir 6 haribulan 11 (November) tahun 81 (1981) di Hospital Kangar.

**MIZ : Soalan seterusnya, apakah hobi Encik Azizi?**

AMR : Kalau [Jika] sebut pasal [tentang] hobi ni banyak. Tapi [tetapi], salah satunya pi [pergi] mengail [memancing] ikan. Kalau orang luaq [luar] orang panggil apa ya? Memancing? Ya, memancing ikan. Itu salah satulah hobi saya.

**AAB : Untuk tambahan saya nak tanya Encik Azizi, di manakah tempat Encik Azizi selalu memancing itu?**

AMR : Oh, tempat yang selalu dok [sangat] pi [pergi] tu [itu] di kampung lah. Tasik Melati. Ya, Tasik Melati, di kawasan Tasik Melati.

**AAB : Soalan seterusnya, siapakah nama penuh ayah kepada Encik Azizi dan beliau berasal dari mana?**

AMR : Nama penuh ayah saya, Matt Rose Bin Hamid. Dia berasal dari Kuala Perlis.

**AAB : Soalan seterusnya, siapakah nama penuh ibu Encik Azizi dan beliau berasal dari mana?**

AMR : Nama ibu saya . Dia berasal dari Panggas, Perlis.

**AAB : Soalan seterusnya adalah berkenaan dengan ibu bapa Encik Azizi sendiri. Adakah ibu bapa Encik Azizi turut berkecimpung dalam arena bola sepak?**

AMR : Tak [tidak]. Ayah saya dia (berfikir) bekerja sendiri. Ibu saya pula dia suri rumah.

**MIZ : Boleh saya tahu? Apakah pekerjaan ayah kepada Encik Azizi?**

AMR : Pekerjaan ayah saya, dia seorang petani.

**AAB : Adakah kerjaya ibu bapa Encik Azizi ni menjadi inspirasi dan mendorong Encik Azizi untuk melibatkan diri dalam sukan bola sepak ini?**

AMR : Oh, tak [tidak]. Sebenarnya bola ni memang minat. Bola sepak ni memang saya minat dari kecil [kecil] lah.

**MIZ : Soalan seterusnya ini berkaitan dengan keluarga Encik Azizi juga. Soalan seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik Encik Azizi dan Encik Azizi adalah anak ke berapa?**

AMR : Okey, semua kami tujuh orang. Saya yang *last* (terakhir) sekali. Yang nombor tujuh.

**MIZ : Okey, di kalangan adik-beradik Encik Azizi, ada atau tidak adik-beradik Encik Azizi terlibat dalam sukan bola sepak?**

AMR : Kami ada empat perempuan dan tiga lelaki. Yang main bola sepak saya seorang ja [sahaja]. Yang dua orang lagi lelaki itu tak [tidak] bermain bola sepak. Saya seorang [seorang] ja [sahaja] yang main bola.

**AAB : Seterusnya, saya akan tanyakan soalan kepada Encik Azizi berkaitan dengan pendidikan Encik Azizi. Soalan seterusnya, di manakah dan pada tahun berapakah Encik Azizi mendapat pendidikan yang pertama iaitu pada sekolah rendah?**

AMR : Darjah satu saya Sekolah Kebangsaan Seri Tunjong. Tahun 1988.

**MIZ : Adakah Encik Azizi bersekolah di Sekolah Seri Tunjong itu daripada darjah 1 sehingga darjah 6?**

AMR : Ya. Memang sekolah tu [itu] dari darjah 1 sampai darjah 6.

**MIZ : Soalan seterusnya, di manakah Encik Azizi bersekolah ketika di peringkat sekolah menengah?**

AMR : Tingkatan 1 sampai [hingga] tingkatan 5, Sekolah Menengah Tengku Sulaiman. Tahun 1994, tingkatan 1.

**MIZ : Ketika di sekolah menengah, apakah sukan kokurikulum yang Encik Azizi minat? Mungkin selain daripada bola sepak ataupun waktu sekolah menengah itu pon Encik Azizi sudah memang minat bola sepak sahaja?**

AMR : Sekolah menengah, selain dari bola sepak, olahraga. Sukan ni [ini] (berfikir) apadia [apa] ya? Lompat jauh kita [saya] masuk. Lompat tinggi saya masuk. (berfikir) Bola baling, bola tampar, lari [lumba lari]. Banyak yang kita [saya] masuk. Selain dari bola sepak, banyak sukan jugak [juga] kita [saya] minat [suka]. Tapi yang pertama sekali tu [itu] bola sepak lah.

**AAB : Selain daripada kokurikulum, sukan ataupun permainan, apakah subjek ataupun mata pelajaran kegemaran Encik Azizi semasa di sekolah? Tidak kisah sekolah rendah ataupun sekolah menengah dan mengapa Encik Azizi meminati mata pelajaran tersebut?**

AMR : Sekolah rendah dan sekolah menengah, (berfikir) subjek matematik mungkin? Ya, subjek matematik. Sebab [Kerana], subjek matematik ini dia mencabar sikit [sedikit] dan perlu banyak berfikir.

**AAB : Semasa di zaman persekolahan, sekolah rendah dan sekolah menengah, pernahkah encik mewakili sekolah, daerah atau negeri dalam perlawanan bola sepak? Boleh**



**encik ceritakan mungkin sekolah rendah encik masuk ataupun sekolah menengah encik masuk untuk mewakili sekolah, daerah ataupun negeri?**

AMR : Sekolah rendah, kami sampai peringkat wakil daerah. Kalau sekolah menengah, wakil sekolah sahaja.

**MIZ : Semasa Encik Azizi wakil sekolah dalam bola sepak ini, adakah Encik Azizi merasakan bola sepak ini mengganggu pembelajaran Encik Azizi ketika sedang belajar? Atau, Encik Azizi tidak merasakan yang bola sepak ini boleh mengganggu pendidikan Encik Azizi. Boleh Encik Azizi terangkan sedikit?**

AMR : Tak mengganggu pun, lagipun saya sampai tingkatan 5 ja [sahaja]. Habih [habis] tingkatan 5, masuk umur 18, saya dah [sudah] *start* [mula] training bawah-18 Perlis Piala Milo.

**MIZ : Soalan seterusnya ini adalah berkaitan dengan apa yang Encik Azizi katakan sebentar tadi. Soalan seterusnya, di manakah Encik Azizi menyambung pengajian Encik Azizi di peringkat universiti? Atau Encik Azizi tidak menyambung pengajian Encik Azizi di peringkat universiti dan Encik Azizi telah memilih untuk berlatih bola sepak Piala Milo dan Encik Azizi terus mengambil serius bola sepak itu sebagai karier Encik Azizi selepas sekolah menengah?**

AMR : Ya betul. Saya takdak [tidak ada] sambung mana-mana. Lepas [Selepas] habih [habis] SPM itu, saya dapat tawaran bawah-18 tahun Perlis untuk Piala Milo dan habis Piala Milo saya dapat tawaran yang seterusnya. Memang takdak [tidak ada] sambung belajaq [belajar] mana-mana. Saya pun *concentrate* [menumpukan perhatian] untuk bola punya [sahaja].

**MIZ : Umum mengetahui yang Encik Azizi ini memang sudah sinonim dengan bola sepak. Mungkin Encik Azizi mempunyai cita-cita yang lain? Siapakah Encik Azizi jika bukan pemain bola sepak? Atau erti kata lain, apakah cita-cita sebenar Encik Azizi? Boleh Encik Azizi ceritakan sedikit tentang cita-cita Encik Azizi ini?**

AMR : Oh pasal cita-cita ya? Sebelum main bola dulu, cita-cita kita [saya] nak jadi polis. Pastu [Selepas itu] dah [sudah] lekat [sehati] bermain bola, pastu [selepas itu] takdak [tidak ada] cita-cita lain dah [sudah] selain daripada main bola. Hak tu ja [Yang itu sahaja]. Tapi [Tetapi] dahulu, memanglah kecik-kecik [sewaktu kecil] dulu [dahulu] memang cita-cita nak [mahu] jadi polis. Mungkin kalau tak [tidak] bermain bola ini, mungkin jadi polis. (ketawa)

**AAB : Menurut Encik Azizi sendiri, selepas Encik Azizi menamatkan pengajian, Encik Azizi terus melibatkan diri dalam arena bola sepak dengan memasuki Piala Milo bawah-18 hinggalah sekarang Encik Azizi dalam arena bola sepak. Adakah Encik Azizi berpuas hati dengan kerjaya sekarang?**

AMR : Ya betul-betul. (berfikir) Rasanya puas hati mungkin sebab [kerana] apa yang saya nak [mahu] dalam bidang bola sepak ni [ini] semuanya dah [sudah] dapat.

**MIZ : Soalan seterusnya ini akan melibatkan penglibatan awal encik dalam bola sepak. Soalan seterusnya, siapakah yang membantu encik semasa membuat keputusan untuk meneruskan dalam karier bola sepak ini? Mungkin ibu bapa encik, ataupun saudara-mara terdekat, ataupun cikgu-cikgu, rakan-rakan yang membantu membuat keputusan untuk encik teruskan dalam karier bola sepak ini?**

AMR : Keputusan, diri sendirilah yang buat. Yang [Tentang] mak dengan ayah [ibu dan bapa] ini banyak *support* [memberi sokongan] dari belakanglah.

**AAB : Siapakah orang yang pertama yang mula-mula yang menyedari bakat Encik Azizi dalam bola sepak ini.**

AMR : Abang saya kut [mungkin], yang nombor tiga [adik-beradik ke-3] sebab dia (abang) pernah cakap yang “Oh, hang [kamu] ni boleh timang bola. Boleh main bola ni!” dia (abang) cakap. Ya, itu lah. Masa tu [itu] umoq [umur] saya baru berapa ya? (berfikir) 15

tahun. Ya, masa tu [waktu itu] umoq [umur] 15 tahun. Abang yang nombor tiga [adik beradik ke-3] tu [itu] dia pernah cakup macam itu.

**MIZ : Apakah halangan semasa Encik Azizi sewaktu mula-mula menceburi bidang bola sepak ini? Mungkin Encik Azizi menghadapi beberapa halangan ataupun cabaran sewaktu mula-mula menceburi arena bola sepak ini. Mungkin Encik azizi boleh ceritakan sedikit?**

AMR : Kalau pasai [tentang] halangan na [ya]? Takdaklah [tiada apalah] sangat. Cuma, nak pi [mahu pergi] *training* [latihan] itu lah susah sikit sebab takdak [tiada] moto [motosikal]. Pi pon [pergi pun] naik bas. Keluar daripada rumah pukul 3 [petang] sampai Kangar dalam (berfikir). Sampai Kangar dalam pukul 4 [petang] macam tu lepastu [selepas itu] jalan kaki pi [pergi] Stadium Dato' Sheikh. Masatu [Waktu itu] kami *training* [di] Stadium Dato' Sheikh. Masatu [Waktu itu] takdak [tiada] moto [motosikal] lagi lah. Zaman tu [itu] takdak [tiada] moto [motosikal], *so* [jadi] naik bas ja [sahaja] lah. Duit bas pun masatu [waktu itu] minta dari mak [ibu] ja lah. Mak [ibu] bagi [beri], masatu [waktu itu] mak [ibu] bagi [beri] seringgit ja [sahaja] masatu [waktu itu]. Seringgit ja ha [sahaja] tambang pergi, balik.

**MIZ : Bagaimanakah pula dengan latihan? Bagaimanakah dengan latihan yang Encik Azizi terima sewaktu mula-mula sertai sukan bola sepak ini?**

AMR : Latihan ya? Latihan macam biasalah. *Training* [Latihan] *start* [mula] pukul 5 [petang] sampai [hingga] pukul 7 [petang]. Kalau dalam padang tu, *training* [latihan] dalam padang tu, malu-malu lah sikit dalam masa seminggu tu sebab kita [saya] tak [tidak] kenal sapa [siapa-siapa] kan? Masing-masing tak kenal saya rasa malu-malu lah sikit. Yang lain tu takdak [tiada] apa, *training* [berlatih] macam biasa.

**MIZ : Encik Azizi fikir siapakah yang banyak menyumbang dari segi kewangan kepada Encik Azizi sewaktu mula-mula sertai bola sepak ini?**

AMR : Masatu [waktu itu] arwah mak [ibu] dan ayah lah yang (berfikir) keluaq duit [beri duit]. Tapi, zaman tu tak macam sekarang. Zaman tu tak lah berbelanja besaq [besar] macam sekarang. Sekarang, kasut pun dah sepasang tujuh [atau] lapan ratus [ratus ringgit]. Dulu, sepasang kasut tiga [atau] empat puluh ringgit ja dah boleh [dapat] dah. Kira sepasang tiga [atau] empat puluh ringgit tu kasut dah besaq [cukup] dah bagi kita dulu. Zaman tu lah. Tapi, zaman sekarang ni takdak [tiada] dah macam tu. Kasut harga tujuh [atau] lapan ratus [ratus ringgit] zaman sekarang ni. Masa tu kalau beli kasut pun harga tiga [atau] empat puluh ringgit ja. Tak belanja besaq [berbelanja besar] lah.

**MIZ : Selain daripada dalam Malaysia, ada atau tidak pemain bola sepak dari luar negara yang Encik Azizi jadikan sebagai inspirasi dan mengapa encik meminati pemain tersebut dan menjadikan dia sebagai idola Encik Azizi?**

AMR : Oh, kalau (berfikir). Kalau idola hok yang bidang bola sepak ni takdak [tiada] lah. Memang takdak [tidak ada], luaq [luar] negara ataupun dalam Malaysia ni takdak [tiada]. Memang takdak [tidak ada]. Dia bukan (berfikir). Yang saya idola tu bukan dalam bidang bola sepak. Takdak-takdak [tiada-tiada], dalam bidang bola sepak ni takdak [tidak ada].

**AAB : Okey. Boleh Encik Azizi ceritakan juga tokoh (berfikir). Siapakah tokoh tersebut dan kenapa Encik Azizi meminati beliau dan menjadikan beliau sebagai idola Encik Azizi?**

AMR : Idola (berfikir). Idola saya Nabi Muhammad S.A.W sebab dia [baginda] pesuruh Allah S.W.T. Takdak [tiada] orang lain dah [sesiapa] yang saya nak idolakan, yang tu ja [itu sahaja].

**MIZ : Okey baik Encik Azizi. Seperti yang Encik Azizi ceritakan sebentar tadi, Encik Azizi sewaktu mula-mula berlatih dahulu di Stadium Dato Sheikh. Encik Azizi ingat atau tidak siapakah jurulatih pertama Encik Azizi sewaktu terlibat secara serius dalam bola sepak ini?**

AMR : Masatu [waktu itu] *coach* [jurulatih] bawah-18, Cikgu Man.

**MIZ : Sewaktu bawah-18 itu, pada tahun berapakah dan apakah posisi yang encik pegang sewaktu mula-mula main bola sepak bawah -18 itu?**

AMR : Tahun 1999. Masatu [Waktu itu] posisi sama macam sekarang, *center stopper* [pertahanan tengah].

**MIZ : Sewaktu Encik Azizi mula bermain bawah-18 tu, Encik Azizi ingat tak jenama kasut bola pertama yang Encik Azizi gunakan?**

AMR : Oh, masatu [waktu itu] kasut (berfikir). Kasut ‘cap ayam’, Le Coq Sportif.

**AAB : Sewaktu Encik Azizi menyertai pasukan bawah-18 tahun Perlis dalam Piala Milo, adakah Encik Azizi memenangi apa-apa piala ataupun pingat untuk pasukan tersebut?**

AMR : Oh, masatu (berfikir). Masatu [Waktu itu] takdak-takdak [tidak ada]. Takdak [tidak] menang mana-mana [apa-apa].

**AAB : Soalan seterusnya ini melibatkan penglibatan awal Encik Azizi ke dalam pasukan negeri. Okey soalan seterusnya, selepas menyertai pasukan bawah-18 tahun tersebut, apakah kelab pertama Encik Azizi sertai dan boleh Encik Azizi ceritakan pengalaman sewaktu menyertai skuad tersebut? Encik Azizi boleh juga cerita tentang Encik Azizi apabila dipanggil mewakili skuad tersebut.**

AMR : Kelab pertama, yang itulah. Bawah-18 Perlis tu lah Piala Milo. Kalau perasaan, memang suka sangat-sangat lah. Yang itu yang kita [saya] impikan kan nak [mahu] main untuk negeri Perlis.

**AAB : Maksud saya Encik Azizi kelab senior pertama. Kelab senior pertama Encik Azizi sertai selepas encik main bawah-18 tahun itu dan boleh Encik Azizi ceritakan sedikit pengalaman sewaktu dipanggil masuk ke dalam skuad itu dan perasaan encik pada waktu itu.**

AMR : Selepas bawah-18, saya dapat *offer* [tawaran] Piala Presiden pula. Piala Presiden bawah-23. Saya main Piala Presiden dalam 2 tahun lepas [selepas itu] dapat *offer* [tawaran] dari senior Perlis M-League [Liga Malaysia] untuk Piala Malaysia. Waktu itu (berfikir) Norizan Bakar ambil. Ya, Cikgu Jan. Masatu [Waktu itu] (berfikir), masa dapat *offer* [tawaran] dari Perlis tu macam (berfikir). Orang cakap macam mana ya? Macam, puas! Betul-betul puas dapat main untuk skuad senior punya. Pengalaman dia tu pasal *training* [latihan] mungkin. *Training* [Latihan] dia mencabar sikit. Sebab, dia yang hok [untuk] senior, *training* [latihan] dia ada *physical trainer* [pelatih fizikal]. *Physical trainer* [Pelatih fizikal] itu kalau dia buat [latih] memang teruk lah sikit. *Pre-season* [Awal musim] memang teruk. Kalau yang bawah-bawah itu, Piala Presiden dengan Piala Milo itu, *training* [latihan] dia biasa-biasa sahaja. Kalau yang senior, dia ada *physical trainer* [pelatih fizikal]. *Physical trainer* [Pelatih fizikal] kalau *pre-season* [Awal musim] ni memang teruk lah kena lanyak [hentam]. Lepas [Selepas itu] kalau [jika] kita nak [mahu] main untuk M-League [Liga Malaysia] yang senior kena [perlu] ada lesen. Setiap-tiap tahun mesti kena [perlu] buat [lakukan] 'copper test'. 'Copper test'itu tujuh pusingan [padang]. 3200 meter tujuh pusingan padang. Lulus yang itu baru dapat lesen. Hak itu [Perkara itu] yang mencabar tu. Yang lain tu takdak [tiada] lah. Pengalaman yang lain tu sama macam orang lain jugaklah. Tahun 2004 kami baru *start* [mula] *champion* [juara] Malaysia Cup [Piala Malaysia]. 2003 final [perlawanan akhir] FA Cup [Piala FA]. 2005 final [perlawanan akhir] FA Cup [Piala FA] tetapi kalah. Eh, final Malaysia Cup tapi kalah. Johan Super League [Liga Super] 2005. 2006 johan Malaysia Cup [Piala Malaysia]. 2007 kalah FA Cup [Piala FA] final [perlawanan akhir].

**MIZ : Sewaktu pertama kali Encik Azizi sertai pasukan skuad senior bola sepak Perlis, Encik Azizi ingat atau tidak waktu itu Encik Azizi umur berapa dan pada tahun bilakah Encik Azizi sertai pasukan senior Perlis itu?**

AMR : Tahun 2002. Masatu [Waktu itu] umur 21.

**MIZ : Seperti yang Encik Azizi ceritakan, jurulatih yang bertanggungjawab yang pilih dan melatih Encik Azizi waktu itu adalah Encik Norizan Bakar. Cikgu Jan bukan? Baik, boleh Encik Azizi ceritakan sedikit personaliti beliau pada waktu itu?**

AMR : *Coach* [Jurulatih] Norizan Bakar dia seorang yang tegas. Dalam padang lah dia seorang yang tegas. Luar padang dia buat *player* [pemain] tu macam kawan dia. Dia seorang yang disiplin. Tepat masa dia nak [mahu]. Kalau *training* [latihan] pagi pukul 8, 7.15 [pagi] tu dia ada dah dalam padang. Memang *player* [pemain] boleh kata semua *player* [pemain] lah tak pernah merungut tentang dia. Memang *coach* [jurulatih] yang (berfikir). Selama yang banyak-banyak *coach* [jurulatih], dia lah yang saya boleh kata (berfikir) *top-top* [terbaik]. Macam mana [Bagaimana] nak [mahu] cakap ya? Memang bagus lah, bagus. Lepastu [Selepas itu], 2005 [dan] 2006 saya wakil Malaysia, dia juga [jadi] *coach* [jurulatih]. *Coach* [Jurulatih] Malaysia masa tu [untuk] Piala Tiger. Tiger Cup Malaysia. Tapi, (berfikir). Macam mana nak cakap ya? Mudah lah, mudah-mudah. Mudah dengan (berfikir), mudah bahasa, mudah bahasa. Kita boleh buat menyembang [berbual] dengan dia. Tetapi, Coach [Jurulatih] Norizan Bakar ini dia utamakan disiplin. Nama pun cikgu kan? (ketawa)

**AAB : Sewaktu Encik Azizi menyertai pasukan senior bola sepak Perlis lah. Siapakah kawan-kawan Encik Azizi yang turut terpilih menyertai pasukan tersebut dan boleh Encik Azizi ceritakan sedikit keserasian Encik Azizi dengan rakan sepasukan?**

AMR : Yang turut terpilih, *goalkeeper* [penjaga goal] Fazli. Orang Perlis juga. Bab kerasian, takdak [tiada] lah. Macam biasa ja [sahaja].

**AAB : Okey, adakah Encik Azizi mendapat elaun bulanan ketika berada dalam skuad tersebut? Boleh encik ceritakan sedikit? Mungkin permulaan gaji ataupun gaji mingguan?**

AMR : Masatu [waktu itu] dah *start* [mula] gaji dah. Kita dah *sign contract* [tanda tangan kontrak] kan. Dia dah *start* [mula] gaji dah.

**MIZ : Adakah terdapat apa-apa halangan dari mana-mana pihak waktu permulaan karier Encik Azizi bersama skuad senior Perlis dahulu? Boleh Encik Azizi ceritakan sedikit?**

AMR : Takdak [Tiada] halangan mana-mana pihak. Masatu [Waktu itu] takdak [tiada] halangan pun. Takdak [Tiada] sapa [siapa] pun nak [mahu] halang kita [saya]. Orang suruh lagi adalah.

**MIZ : Boleh Encik Azizi ceritakan sekali lagi pencapaian Encik Azizi ketika bersama skuad bola sepak Perlis itu dan apakah kenangan yang manis lah yang Encik Azizi ingat waktu ada bersama bola sepak Perlis?**

AMR : Ya. Pencapaian di Perlis, 2003 Perlis naib juara FA Cup [Piala FA] di Stadium Perak, Perlis lawan Negeri Sembilan. 2004 Perlis johan Malaysia Cup [Piala Malaysia] di Stadium Bukit Jalil, Perlis lawan Kedah. 2005 Perlis johan Super League [Liga Super] dan Perlis naib juara Malaysia Cup [Piala Malaysia] di Stadium Bukit Jalil, Perlis lawan Selangor. 2006 Perlis juara Malaysia Cup [Piala Malaysia] di Stadium Bukit Jalil lawan Negeri Sembilan. 2007 Perlis naib juara FA Cup [Piala FA] di Stadium Pulau Pinang, Perlis lawan Kedah. Lepastu [Selepas itu], 2008 saya dah takdak [tiada] kat [di] sini [Perlis]. Saya terima tawaran PDRM FC. Saya main 2008, saya main untuk PDRM FC. Dan 2008 pun [Perlis] takdak [tiada] *final* [perlawanan akhir], takdak [tidak ada] mana-mana *cup* [piala] sampai sekarang. 2008 sampai 2022 sampai sekarang takdak [tidak ada] mana-mana *cup* [piala] dan takdak [tidak ada] mana-mana *final* [perlawanan akhir] Perlis masuk sampai sekarang. Kenangan manis, kenangan manis 2004. Sebab, kami pertama kali Perlis menang Malaysia Cup [Piala Malaysia]. Waktu itu kan Perlis tak [tidak] pernah menang Malaysia Cup [Piala Malaysia]? 2004 ialah kenangan manis kali pertama dapat Malaysia Cup [Piala Malaysia].

**AAB : Soalan seterusnya ni berkenaan dengan penglibatan Encik Azizi di peringkat negara. Adakah Encik Azizi pernah menyertai skuad bola sepak kebangsaan?**



AMR : Untuk *national team* [pasukan kebangsaan] Malaysia, ya pernah-pernah. *Call-up* [panggilan] 2005, 2006, 2007 dan 2013.

**MIZ : Berapakah umur Encik Azizi sewaktu dipilih untuk kali pertama menyertai skuad kebangsaan dan siapakah yang bertanggungjawab untuk memilih Encik Azizi untuk menyertai skuad kebangsaan tersebut?**

AMR : Masatu [Waktu itu] 2005, umur 24. Masatu [waktu itu] *coach* [jurulatih] *national team* [pasukan kebangsaan] Malaysia Cikgu Jan. Norizan Bakar.

**MIZ : Pada waktu itu, siapakah kawan-kawan Encik Azizi yang Encik Azizi ingat yang turut terpilih menyertai skuad kebangsaan?**

AMR : Kalau dari Perlis yang terima tawaran dari *national team* [pasukan kebangsaan] 2005 saya, Kaironnizam Sahabudin (Botak), Azi Shahril, (berfikir) Yang itu sahajalah. Tiga orang itu sahaja kalau dari Perlis.

**MIZ : Sewaktu pertama kali encik sertai skuad kebangsaan, apakah kejohanan pertama yang encik sertai bersama skuad tersebut?**

AMR : Masatu [Waktu itu], kami *training* [berlatih] untuk piala Tiger Cup [Piala AFF] .

**MIZ : Sewaktu kejohanan tersebut, siapakah pencabar terdekat kepada pasukan negara waktu ketika itu?**

AMR : Masatu [Waktu itu] , Kaironnizam Sahabudin dan Zamani Misbah, dari Negeri Sembilan.

**MIZ : Maksud saya, siapakah pencabar terdekat kepada pasukan negara pada waktu itu. Mungkin pasukan daripada Vietnam ataupun Indonesia?**

AMR : Oh, masatu [waktu itu] pencabar terdekat, (berfikir) Thailand dan Indonesia.

**AAB : Pada ketika itu, apakah sasaran pasukan skuad kebangsaan dalam kejohanan itu dan bagaimanakah pula dengan pencapaian skuad kebangsaan dalam kejohanan itu?**

AMR : Masatu [Waktu itu], kami tidak layak. Kalah dengan Indonesia dan Thailand. Selepas itu seri dengan Singapura.

**AAB : Jadi maksud Encik Azizi, skuad bola sepak negara waktu ketika itu tidak lepas dan terkandas dalam peringkat kumpulan dalam kejohanan Tiger Cup [Piala AFF] 2004? Betul?**

AMR : Ya betul. 2005 sebenarnya.

**MIZ : Okey baik. Soalan seterusnya adalah soalan secara individu iaitu soalan tentang Encik Azizi sendiri. Pernahkah Encik Azizi mengalami kecederaan serius semasa menjalani latihan dan berapa lamakah tempoh kecederaan yang Encik Azizi alami? Boleh Encik Azizi ceritakan sedikit?**

AMR : Pernah, 2012. Masatu [Waktu itu] *final* [perlawanan akhir] Piala Sumbangsih. Masatu [Waktu itu] saya main mewakili Kelantan. Kelantan lawan Negeri Sembilan di Stadium Bukit Jalil. Masatu [Waktu itu], minit ke berapa ya? (berfikir) Minit ke-35 kot [mungkin] *start* [mula]? Ya, dalam minit ke-35. Masatu [Waktu itu] kena [mengalami] ACL [kecederaan lutut]. Saya *operation* [melakukan pembedahan] untuk ACL [kecederaan lutut] di Kuala Lumpur. Saya buat [lakukan] *rehab* [pemulihan] dalam masa enam bulan juga baru boleh main balik [bermain kembali] sepenuhnya.

**MIZ : Sebentar tadi adalah soalan berkenaan kecederaan sewaktu latihan. Seterusnya, pernahkah encik mengalami kecederaan yang serius sewaktu perlawanan berlangsung dan berapa lamakah encik direhatkan disebabkan kecederaan tersebut?**

AMR : Yang lain tidak pernah. Yang itulah yang pernah pun sewaktu perlawanan itu lah. Perlawanan Piala Sumbangsih itu. Masatu [Waktu itu] kena [menghadapi] ACL [kecederaan lutut]. Yang itu sahaja rehat paling lama.

**MIZ : Sebagai pemain bola sepak, bagaimanakah Encik Azizi menjaga permakanan bagi mengekalkan stamina serta tenaga Encik Azizi dan adakah Encik Azizi mengambil apa-apa makanan tambahan?**

AMR : Permakanan kita [saya] makan cukup *time* [waktu]. *Time* [Waktu] makan, makan. Takdaklah [Tidak adalah] disiplin sangat benda tu [hal itu]. Tetapi, makan cukup waktu. Masuk waktu makan, makan. Kalau makanan tambahan itu, suplemen. Supplimen itu makan sehari tiga biji. Sehari tiga kali. Kita [saya] makan pagi, lepastu [selepas itu] petang, lepastu [selepas itu] malam pula kita [saya] makan supplimen. Sekali makan tiga biji.

**MIZ : Ketika encik bermain bola sepak tidak kira di dalam skuad bola sepak Perlis, kebangsaan, Kelantan dan semua, bersama siapakah pasangan yang encik selesa dan serasi untuk bermain? Maksud saya pasangan terbaik Encik Azizi.**

AMR : Mana-mana negeri yang saya pergi dan negeri sendiri, *player* [pemain] dan *pair* [pasangan] paling sedap main [serasi bermain], Kaironnizam Sahabudin. Dialah yang paling sedap [serasi] dan paling senang kita [saya] nak main [mahu bermain]. *Player-player* [pemain-pemain] yang lain itu bukan tak [tidak] boleh bermain, boleh. Tetapi, yang kita [saya] paling sedap [serasi] Kaironnizam Sahabudin (Botak).

**ABB : Seperti yang Encik Azizi ceritakan tadi, Encik Azizi pernah dipanggil untuk menyertai kebangsaan pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2013. Pada tahun-tahun yang lain yang encik tidak terpilih, apakah perasaan Encik Azizi apabila tidak dapat mewakili pasukan Malaysia untuk sukan bola sepak?**

AMR : Perasaan masatu [ketika itu], taklah [tidaklah] *frust* [kecewa] sangat. Dia *frust* [kecewa] juga, tak [tidak] dapat wakil Malaysia kan? Tetapi, tak [tidak] terlampau *frust* [kecewa]

sangat sebab masatu [waktu itu] dapat *offer* [tawaran] banyak *team* [pasukan] juga. Dapat *offer* [tawaran] daripada Selangor, dapat *offer* [tawaran] daripada Negeri Sembilan, Kedah. Mana lagi ya masatu [waktu itu]? (Berfikir) Pahang. Banyak juga, empat atau lima atau enam *team* [pasukan] juga dapat *offer* [tawaran] daripada luar. Masatu [Waktu itu] tak [tidak] adalah *concentrate* [tumpukan perhatian] untuk Malaysia sangat. Lebih *concentrate* [tumpukan perhatian] untuk wakil negeri sahaja.

**MIZ : Secara individu Encik Azizi, apakah rekod peribadi yang terbaik yang pernah Encik Azizi catatkan?**

AMR : Rekod peribadi semasa bersama Kelantan. Menang tiga *cup* [piala] *treble* [tiga kali berturut-turut]. FA Cup [Piala FA] johan, Malaysia Cup [Piala Malaysia] Johan, Super League [Liga Super] pun johan. Tiga *cup* [piala] dalam setahun. Tahun bila saya tak [tidak] ingat (berfikir). Tahun 2011 rasanya. Eh, bukan. Bukan 2011 tetapi tahun 2012.

**MIZ : Seperti yang kita tahu, Encik Azizi sekarang sedang bermain bersama Perlis United. Bagi pendapat Encik Azizi, adakah Encik Azizi berpuas hati dengan tahap permainan pasukan bola sepak Perlis United pada ketika ini?**

AMR : Sebagai seorang *player* [pemain] Perlis United sekarang, buat masa masa sekarang memang berpuas hati sebab [kerana] *player* [pemain] pun *player* [pemain] muda sekarang. Lagi satu [Lagipun], *player* [pemain] sekarang baru nak [mahu] terbentuk dan baru nak *up* [sedang meningkat]. Sebelum ini Perlis United memang dah [sudah] masuk M3. Tetapi dua tahun, 2020 dan 2021 sangkut dengan [diberhentikan kerana] Covid-19, tak [tidak] boleh habiskan. FAM *cancel* [batalkan]. Tahun ini tahun 2022 memang FAM buat sampai [hingga] habis. Dengan *team* [pasukan] yang ada sekarang, dengan *player* [pemain] yang ada sekarang ini, memang berpuas hati dengan permainan yang diaorang [mereka] tunjuk itu. Diaorang [Mereka] itupun dah [sudah] lama juga dengan Perlis dan pernah main sekali [bersama]. Banyak *player* [pemain] muda, tetapi permainan yang diaorang [mereka] memang berpuas hati buat masa sekarang.

**AAB : Pada pandangan Encik Azizi sendiri, siapakah pemain muda yang dilihat berpotensi dalam Perlis United pada ketika ini?**

AMR : Yang saya nampak buat masa sekarang ini *player* [pemain] yang boleh pergi jauh dia *player* [pemain] muda. Baru 21 umurnya. Faizal dari Kuala Perlis. Dia boleh pi [pergi] jauh. Tempat [Posisi] yang dia main itu, *attacking midfield* [penyerang tengah].

**AAB : Selain daripada dalam skuad Perlis United, mungkin ada pemain muda yang lain di dalam Malaysia yang Encik Azizi lihat berpotensi untuk menjadi pemain bintang dalam bola sepak ini?**

AMR : (Ketawa) Tak [tidak] tahu nak cakap. Entah, tak tau [tidak tahu] sebab kitani [saya ini] bukan ambil tahu sangat pasai [tentang] *player-player* [pemain-pemain] yang luar ini. (ketawa)

**MIZ : Okey baik, tidak mengapa. Untuk Encik Azizi sendiri, bagi generasi muda yang ingin melibatkan diri secara baru dalam sukan bola sepak. Apakah persediaan yang mereka perlu lakukan untuk berkecimpung dalam sukan bola sepak ini? Bagi Encik Azizi sendiri?**

AMR : Persediaan? Persediaan apa ya nak cakap [mahu katakan]? (Ketawa) Kasut bola kena [mesti] ada. Itu sahaja. Kasut bola kalau nak [mahu] main bola untuk profesional, tak [tidak] bolehlah cuma ada sepasang. Sekurang-kurangnya kena [mesti] ada lima hingga enam pasang kasut bola. Satu lagi, kalau masuk dalam bidang bola sepak ini dia utamakan disiplin . Disiplin itu penting. Masa *training* [latihan] kena [mesti] awal daripada orang lain. Masa *training* [latihan] kita kena lebih dari orang lain. Apa yang *coach* [jurulatih] cakap, kena [mesti] dengar cakap. Tetapi, apa yang paling penting dalam bola sepak ini kena [mesti] ada disiplin dalam diri. Kalau takdak [tiada] disiplin, pi lah [pergilah] jauh manapun takkan [tidak akan] maju. Kalau ada disiplin, Insya-Allah dia akan sampai ke depan. Bola sepak yang penting ini disiplin , kalau bagi diri saya.

**MIZ : Bagi pendapat Encik Azizi sendiri, secara keseluruhannya, adakah kemudahan untuk bermain bola sepak di negara ini mencukupi dan pada pendapat Encik Azizi mungkin pihak kerajaan perlu menambah kemudahan dalam bola sepak di Malaysia ini? Mungkin dari segi fasiliti? Boleh Encik Azizi berikan pandangan sedikit? Mungkin ada yang tidak mencukupi?**

AMR : Kemudahan? Kemudahan macam mana [seperti apa] ya? (ketawa) Nak [Mahu] cakup macam mana ya? Kemudahan dari segi apa? Kalau dari segi *training* [latihan], mana-mana negeri yang saya pernah bermain semua mencukupi . Selama yang saya berkecimpung dalam bidang bola sepak ini , mana-mana negeri yang saya pi [pergi], semua takdak [tidak ada] lagi kekurangan. Malah, yang kita anggap “Oh, yang ini tak [tidak] boleh”, semua mereka sediakan. Mana-mana negeri yang saya pi [pergi], semua ada. Takdak [Tiada] kekurangan. Mana-mana team [pasukan] yang profesional ini, takdak [tiada] lagi kekurangan. Semua lebih dari yang kita [saya] pikiaq [fikirkan] itu. Satu lagi dari segi *game* [permainan], semua mana-mana negeri pun semua diaorang [mereka] sediakan. Lagi, takdaklah [tiadalah] *team* [pasukan] yang buat benda itu halai-balai. Semua *team* [pasukan] yang saya pernah pi [pergi] bermain, semua team [pasukan] ada kelebihan masing-masing.

**MIZ : Maksud saya, sebagai contoh dalam Malaysia ini kita ada kelab JDT yang kita letakkan sebagai *benchmark* [pengukur aras] yang agak tinggi yang mempunyai fasiliti-fasiliti yang bertaraf dunia. Sebagai contoh *dressing room* [bilik persalinan], padang latihan dan juga fasiliti-fasiliti yang lain. Bagi pendapat Encik Azizi sendiri yang pernah bermain di banyak kelab malah sekarang sedang bermain untuk Perlis United dan juga pernah bermain untuk skuad kebangsaan, mungkin Encik Azizi ada pendapat atau idea? Mungkin perlu penambahbaikan yang lain ataupun Encik Azizi sekarang berpuas hati dengan fasiliti-fasiliti yang tersedia.**

AMR : Oh, baik. Kalau pasai [tentang] benda-benda macamtu [seperti itu], saya rasa ada juga. Tetapi tak [tidak] semua negeri boleh buat macam [seperti] itu dan tak [tidak] semua kelab boleh buat macam [seperti] JDT buat itu. Cuma JDT, depa [mereka] punya *advanced* [maju] sedikit sebab banyak duit. Saya pun [juga] pernah main untuk JDT 2014. Tahu cara

macam mana [bagaimana], ada *dressing room* [bilik persalinan] sendiri, ada padang *training* [latihan] sendiri, ada kafe sendiri selepas *training* [latihan] kita makan dekat [di] situ. Tetapi macam [seperti] negeri-negeri lain dan kelab-kelab lain, padang sendiri pun [juga] ada, *dressing room* [bilik persalinan] pun [juga] ada. Cuma, lepas [selepas] makan ja [sahaja] takdak [tiada]. Makan sendiri sahaja. Itu sahaja lah yang JDT *advanced* [maju] sedikit mungkin? Yang lain kita [saya] rasa sama sahaja. Bagi pendapat saya, kalau [jika] negeri-negeri lain dan kelab-kelab lain buat macam [seperti] JDT buat itu, baguslah. Kemudahan untuk *player* [pemain] memang bagus. Kalau [jika] nak [mahu] ikut cara JDT buat, memang baguslah. Tetapi, taklah [tidaklah] semua kelab dan semua negeri boleh buat macam itu kan?

**MIZ : Okey baik, saya setuju dengan pendapat Encik Azizi yang itu. Soalan seterusnya adalah bagaimanakah cara untuk menarik minat generasi muda pada hari ini untuk terlibat dalam sukan bola sepak ataupun meminati bola sepak? Kerana, dalam persekitaran saya pun seperti adik-beradik saya ada yang masih kecil lagi tetapi terlalu sukakan bermain *game* [permainan] di *smartphone* [telefon pintar] mereka. Hinggakan kadang-kadang, saya buka perlawanan bola sepak di televisyen, mereka seperti tidak berminat mahu menonton dan saya juga mengajak untuk bermain bola sepak waktu petang ataupun mengajak bermain futsal. Mereka tidak berminat bermain bola sepak. Mungkin Encik Azizi ada pendapat, bagaimanakah cara untuk menarik minat generasi muda ini untuk terlibat dalam sukan bola sepak?**

AMR : Oh baik, macam [seperti] ini. Bawah 15 tahun, bawah 12 tahun, bawah 10 tahun dan bawah 8 tahun mesti kena [perlu] ada akademi untuk pembangunan di setiap negeri. Tiap-tiap [setiap] negeri mesti kena [perlu] ada. Lepastu [Selepas itu], tiap-tiap [setiap bulan] buatlah anjuran. Contoh, bulan dua [februari], perlawanan bawah-8 tahun. Buat carnival [pesta] bola speak tiap-tiap [di setiap] daerah untuk pembangunan. Contoh negeri Perlis, negeri Perlis ada berapa daerah? So [Jadi], lawanlah tiap-tiap [setiap] daerah itu. Contoh bulan tiga [Mac] pula, bawah-10 tahun pula lawan setiap daerah, Bulan empat [April], bawah-12 pula. Bulan 5 [Mei], bawah-15 tahun pula. Tetapi, bagi yang umur 18 tahun ke atas, FAM dah [sudah] sediakan liga untuk negeri Perlis. Di mana-mana negeri mesti ada

M4 dan M5 . Kena [Perlu] ada semua benda itu. Kalau takdak [tiada] semua benda itu, macam mana kita nak [mahu] *target* [tumpukan] budak-budak [kanak-kanak] untuk bagi [beri] minat untuk bola sepak bukan? Kalau [Jika] ada benda-benda itu, Insya-Allah sebab [kerana] kita [FAM] buat benda-benda itu di setiap daerah mesti ada budak [kanak-kanak] yang berminat nak [untuk] bermain bola sepak. Kalau [Jika] untuk akademi, kalau [jika] kita [FAM] buat macamtu [seperti itu], tiap-tiap [setiap] daerah mesti ada pasukan untuk bawah-18 dan tiap-tiap [setiap] bulan pula kita [FAM] buat liga untuk diaorang [mereka], mesti ada minat itu. Budak-budak [kanak-kanak] mesti minat. Mak bapak [ibu bapa] mesti *push* [tekanan] budak [anak-anak] untuk bermain bola sepak. Tetapi untuk umur 18 tahun itu, FAM dah [sudah] sediakan liga M4 dan M5 . Lepastu [Selepas itu], ada Piala Presiden bawah-23. Ada juga Piala Belia bawah-18 tahun. FAM sudah sediakan semua benda itu. Cuma, yang hak [tentang] bawah umur yang bawah 15 tahun ini, kena [perlu] ada akedemi. Kalau [Jika] boleh, kena [mesti] ada tiap-tiap [setiap] daerah itu lepastu [selepas itu] buat liga untuk diaorang [mereka]. Mesti banyak budak [kanak-kanak] minat bola sepak kalau [jika] mcamtu [dilakukan sebegitu].

**MIZ : Saya setuju dengan Encik Azizi yang setiap daerah dan setiap negeri mesti [perlu] ada akademi untuk membangunkan bola sepak dalam kalangan generasi muda ini. Soalan seterusnya, pada pendapat encik azizi sendiri, sekiranya ingin dibandingkan dengan pelajar sekolah biasa dan pelajar sekolah sukan sebagai contohnya yang terkenal, Sekolah Sukan Bukit Jalil. Adakah peluang untuk pelajar sekolah biasa ini untuk melibatkan diri secara professional dalam bola sepak di Malaysia ini lebih cerah atau sebaliknya?**

AMR : Semua *player* [pemain] yang ada di Malaysia ini, tak [tidak] semua *player* [pemain] dari Sekolah Sukan Bukit Jalil dan kebanyakan dari luar dari Sekolah Sukan Bukit Jalil. dari Sekolah Sukan Bukit Jalil ini berapa orang sahaja yang ada termasuk saya, Sayapun dari sekolah biasa, bukan Sekolah Sukan Bukit Jalil. Untuk sekolah biasa ini memang ada peluang sangat-sangat kalau [jika] diaorang [mereka] berminat. Macam [Seperti] yang saya cakapkan [katakan], tiap-tiap [setiap] negeri kena [perlu] ada akademi. Bila ada akademi,



mesti ada *coach* [jurulatih] bukan? Habis umur 8 tahun dia akan naik ke 10 tahun pula bukan? Habis 10 tahun dia ada pula peringkat yang 12 tahun. Selepas 12 tahun, naik pula peringkat yang ke 15 tahun. Lebih 15 tahun, dia naik pula ke Piala Belia bawah-18 tahun. Habis pula piala belia naik pula umur 21 Piala Presiden. Habis Piala Presiden boleh naik pula untuk Super League [Liga Super] untuk professional. *So* [Jadi], di setiap peringkat ini, tidak semestinya Sekolah Sukan Bukit Jalil. Sekolah biasapun boleh maju lebih daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil. Tetapi, dia kena [mesti] ada akademi untuk setiap umur naik ke peringkat seterusnya dan tak [tidak] semestinya Sekolah Sukan Bukit Jalil itu ada peluang cerah untuk bola sepak. Sekolah-sekolah biasapun boleh. Tetapi, kena [perlu] ada cita-cita untuk bermain bola sepak. Semangat dan disiplin perlu ada.

**AAB : Sepanjang karier bola sepak Encik Azizi selama lebih kurang 23 tahun ini, apakah kenangan manis encik di sepanjang karier bola sepak Encik Azizi? Ada atau tidak kenangan-kenangan manis yang Encik Azizi ingat sehingga ke hari ini?**

AMR : Kenangan manis ya? (berfikir) Kalau [Jika] yang dapat pemain terbaik itu biasa sahaja. Kenangan manis yang paling rasa nikmat bermain bola sepak itu semasa dapat *cup* [piala] *final* [perlawanan akhir] dan johan. Lepastu [Selepas itu], kita [saya] berarak *cup* [piala] itu di keliling stadium sampai [sehingga] habis. Esok pula, nak [mahu] bawa ke negeri yang kita [saya] main itu. Masatu [Waktu itu], kenangan manislah. Tak [tidak] tahu nak cakap sampai [sehingga] ada kadang [terkadang] menitis air matapun ada. Depa [Mereka] terlampau suka sangat-sangat. Macam [Seperti] di Perlis, berapa tahun berturut-turut ? Empat tahun berturut-turut *final* [perlawanan akhir]. Kenangan manis itu sewaktu masuk *final* [perlawanan akhir], dapat *cup* [piala] lagi, johan pula itu. Masatulah [Waktu itulah]. Di Kelantan pun, tiga tahun atau empat tahun berturut-turut juga. Kenangan manis masatu [waktu itu]. Masa [Waktu] yang kita [saya] terima *cup* [piala] itu. Kami menang dan juara Malaysia Cup [Piala Malaysia]. Waktu itu, dia mai [datang] perasaan sebak dalam dada dan *best* [seronok] sangat-sangat. Itulah kenangan manis yang ada selama saya berkecimpung dalam bidang bola sepak ini.

**AAB : Bagaimana pula dengan kenangan pahit Encik Azizi? Mungkin di sepanjang karier bola sepak Encik Azizi ini ada kenangan pahit yang Encik Azizi ingat sehingga sekarang.**

AMR : Kenangan pahit semasa *injured* [kecederaan]. *Injured* [Kecederaan] ini kalau [jika] dalam seminggu atau dua minggu ini pun sudah rasa macam kosong. Tetapi yang paling teruk sekali, *injured* [kecederaan] itu semasa 2011 masa [sewaktu] bermain di Kelantan. Sewaktu Piala Sumbangsih, Kelantan lawan Negeri Sembilan di Stadium Bukit Jalil sebab [kerana] waktu itu kena [menghadapi] ACL . Enam bulan saya rehat tak [tidak] bermain bola sepak. Masatulah [Waktu itulah] kita [saya] nak [mahu] *rehab* [pemulihan] itu terasa sangat menyeksakan. Kenangan pahit masa [sewaktu] *injured* [kecederaan]. Kalau [jika] tak [tidak] *injured* [cedera], kita [saya] boleh main bola seperti biasa.

**AAB : Untuk Encik Azizi sendiri, apakah perancangan encik pada lima tahun akan datang?**

AMR : Perancangan lima tahun lagi, saya akan ambil lesen *coach* [jurulatih] dan Insya-Allah saya nak [mahu] jadi *coach* [jurulatih] Perlis.

**MIZ : Bagaimana pula dengan harapan Encik Azizi pada pasukan bola sepak negara kita dalam masa lima tahun akan datang? Beberapa bulan lepas, pasukan bola sepak negara melepasi peringkat ke Piala Asia. Jadi, mungkin Encik Azizi ada harapan untuk bola sepak negara untuk melepasi ke peringkat seterusnya.**

AMR : Bagi *state* [negeri] dan kelab di Malaysia ini, kalau boleh nak tengok lima tahun akan datang lagi, mana-mana kelab dan *state* [negeri] ini saya nak tengok [lihat] kalau [jika] boleh mereka buat macam [seperti] JDT buat itu. Sebab [kerana], dia [hal ini] lebih kepada player [pemain] dan penonton. Macam [seperti] JDT buat itu memang ‘A’ . (ketawa). Kalau [jika] boleh, yang itu sahajalah. Kalu [jika] untuk Malaysia pula, lima tahun akan datang saya nak [mahu] tengok [lihat] Malaysia dapat *at least* [sekurang-kurangnya] satu *cup*

[piala]. Mana-mana *cup* [piala] pun takpa [tidak mengapa], *at least* [sekurang-kurangnya] satu cup [piala].

**MIZ : Seperti yang Encik Azizi katakan, dalam masa lima tahun akan datang Encik Azizi akan mengambil lesen untuk menjadi jurulatih dan akan menjadi jurulatih bola sepak Perlis. Jadi pada waktu ini, adakah Encik Azizi terfikir untuk bersara daripada bermain bola sepak secara professional dalam masa terdekat?**

AMR : Ya tetapi haritu [sebelum ini] memang dah [sudah] *stop* [berhenti]. *Start* [bermula] 2019 itu memang dah *stop* [berhenti] dan memang dah [sudah] bersara. Lepastu [Selepas itu], tahun 2022 ini Perlis nak [mahu] guna khidmat kita [saya]. Jadi, kita [saya] tolonglah dalam setahun lagi. Mungkin tahun hadapan tak [tidak] bermain mungkin. Dah [Sudah] bersara tahun depan. Tahun ini kita main dahulu. Tahun depan mungkin bersara sebab tahun depan dah [sudah] 42 umur saya.

**MIZ : Saya juga berharap dapat melihat Encik Azizi menjadi jurulatih bola sepak Perlis untuk masa yang akan datang. Soalan seterusnya, adakah segala ilmu dan kemahiran Encik Azizi yang ada sekarang akan diturunkan kepada anak-anak encik? Mungkin selepas ini sewaktu anak-anak encik sudah membesar dan mungkin ada yang berminat untuk bermain bola sepak secara professional. Adakah Encik Azizi akan menurunkan ilmu kemahiran yang encik ada sekarang ataupun Encik Azizi mungkin tidak bersetuju untuk mereka bermain bola juga seperti Encik Azizi?**

AMR : Pasai [Tentang] anak-anak, depa [mereka] ini tidak berminat bola sepak. Sorangpun tak [tidak] lekat [tertarik] dengan bola sepak. Depa [Mereka] ke arah bidang lain. Tapi [Tetapi], kalau [jika] kita [saya] jadi *coach* [jurulatih], memang kita [saya] turunkan semua yang kita [saya] ada. Selama yang kita [saya] belajar ini dalam bidang bola sepak kita akan turunkan semua ilmu kalau [jika] kita [saya] jadi *coach* [jurulatih]. Tapi [Tetapi], untuk anak-anak ini mungkin dak [tidak] sebab [kerana] depa [mereka] ke arah lain dan tidak berminat. *So* [Jadi] kalau [jika] tidak berminat, susah nak [untuk] bermain bola sepak. Budak-budak ini kena minat juga, kalau [jika] tidak berminat tidak bolehlah.

**AAB : Apakah moto ataupun kata-kata semangat yang dipegang oleh Encik Azizi?  
Mungkin Encik Azizi boleh kongsi?**

AMR : Bola sepak ini kena [perlu] ada minat nak [mahu] bermain bola sepak. Lepastu [Selepas itu], kena [perlu] yakin pada diri sendiri. Sesuatu benda [perkara] yang kita nak [mahu] buat [lakukan], kita kena yakin dalam bidang bola sepak ini. Lepastu [Selepas itu, kena [perlu] tahan [kuatkan semangat] sebab [kerana] dalam bola sepak ini bukan senang nak [mahu] bermain bola sepak kerana [sebab] *training* [latihan] teruk, *game* [permainan] lagi, *pressure* [tekanan] dari orang atasan lagi, *pressure* [tekanan] dari penonton, *pressure* [tekanan] dari pihak lawan. Kena [Perlu] kuat dan hati itu kena kental dalam bola sepak ini. (berfikir). Tetapi, secara keseluruhannya kena [perlu] ada disiplin. Bola sepak ini kena [perlu] ada disiplin sebab [kerana] saya ini seorang yang suka tekankan disiplin. Kalau [Jika] nak [mahu] jadi *player* [pemain] yang bagus, kena [perlu] ada disiplin. Dalam bola sepak pula, tidak boleh bermain-main [sambil lewa] kalau kita dah [sudah] masuk dalam bidang bola sepak professional ini. Kena [Perlu] buat betul-betul dan kena [perlu] ada *target* [sasaran]. Contohnya, daripada bawah, “Tahun hadapan aku nak [mahu] main untuk Super League [Liga Super]”. Jadi, kena [perlu] ada *target* [sasaran] itu untuk tahun hadapan. Selepas Super League [Liga Super], “Kalau [Jika] boleh, aku nak [mahu] panggilan dari *national team* [pasukan kebangsaan] Malaysia”. Sebab itu kena [perlu] ada *target* [sasaran]. Macamlah [Samalah juga seperti] gaji kita. Contohnya, gaji kita RM 5000 tahun ini. Tahun hadapan, saya nak bagi [jadikan] gaji saya naik ke RM 8000 atau RM 10000. *So* [Jadi], untuk tahun ini kena [perlu] bermain betul-betul [bersungguh-sungguh]. Tahun hadapan dan seterusnya perlu ada *target* [sasaran] dalam bola sepak ini. Sebab [Kerana], saya macamtu [seperti itu] dahulu. Saya *target* [sasarkan] nak [mahu] main untuk Super League [Liga Super], Alhamdulillah berjaya dan nak [mahu] bermain untuk Malaysia pun [juga] Alhamdulillah berjaya. Saya *target* [sasarkan] gaji saya untuk jumlah sedemikian, Alhamdulillah berjaya juga. Saya nak [mahu] bermain untuk Kelantan, juga berjaya. *So* [Jadi], kita kena ada *target* [sasaran] untuk sesuatu benda [perkara]. Lagi satu [Seperkara lagi], dalam bola sepak ini jangan sombong dan bongkak. Kita hebat dan bagus

macam mana [walau bagaimana] cara sekalipun, jangan bongkak dan jangan sombong. Yang itu [Hal itu] akan membuatkan kita akan jatuh ke bawah.

**MIZ : Untuk menutup sesi temu bual kita pada kali ini, mungkin Encik Azizi ada kata-kata ataupun ucapan untuk skuad bola sepak Perlis United yang encik bermain sekarang ini dan juga mungkin Encik Azizi ada kata-kata ataupun ucapan untuk peminat bola sepak Perlis dan juga peminat Encik Azizi Matt Rose sendiri?**

AMR : Untuk Perlis United, Insya-Allah kami sebagai *player* [pemain] Perlis United kami yakin akan kami yakin akan membawa Perlis sampai ke hadapan dan ke puncak kerana sekarang ini dah [sudah] menuju ke suku akhir. Tapi [Tetapi], saya yakin dengan *player* [pemain] yang ada sekarang ini kerana diaorang [mereka] boleh buat [lakukan] lebih baik lagi daripada yang sebelum-sebelum ini, Insyaallah saya yakin. Untuk penonton yang selalu mai [datang] ke stadium dan selalu tengok *live* [secara langsung] dan penonton-penonton yang selama ini menyokong perlis, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kerana sudi mai [datang] ke stadium dan sudi *support* [sokong] Perlis United. Sekarang Perlis United baru nak [sedang] naik [meningkat]. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak untuk yang sudi datang ke stadium dan sudi untuk *support* [menyokong] Perlis United. Saya juga minta untuk sokonglah Perlis United bagi [untuk] Perlis United ini naik balik [kembali] ke Liga Super macam dahulu. Janganlah kita mengutuk lagi player [pemain] yang ada ini sebab [kerana] diaorang [mereka] ini baru lagi [masih baru] dalam bidang bola sepak. Bagi [Berikan] kata-kata semangat kat [kepada] diaorang [mereka. Bagi [Berikan] diaorang [mereka] bangkit balik [kembali] dan bagi diaorang [mereka] bawa balik [kembalikan] Perlis United ke Liga Super. Insya-Allah dan Terima kasih banyak-banyak.

**MIZ : Okey baik. Selepas mendengar saya juga terharu dan juga sebak. Kita juga sudah sampai ke penghujungnya. Saya mahu merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Azizi Matt Rose kerana sudi meluangkan masa untuk sesi temu bual ini sehingga selesai. Harapan saya agar Encik Azizi terus maju jaya dalam karier bola sepak ini dan Insya-Allah pada masa yang akan datang Encik Azizi akan berjaya menjadi jurulatih bola sepak Perlis dan membawa pasukan bola sepak Perlis ke Liga**

**Super dan mengembalikan detik-detik kejuaraan yang pernah pasukan bola sepak Perlis kecapi pada masa dahulu. Saya sebagai peminat bola sepak Perlis memang sentiasa menyokong pasukan bola sepak Perlis dan Encik Azizi sendiri yang bagi saya salah satu lagenda dan tokoh bola sepak Perlis sendiri dan Malaysia. Sekali lagi saya mahu ucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Azizi dan selamat maju jaya.**

AMR : Terima kasih banyak-banyak dan saya nak [mahu] minta maaf. Saya takdan [tidak sempat] kerana sibuk dan terpaksa buat [lakukan] temu bual macam [melalui] ini. Kalau [Jika] tak [tidak] buat [lakukan] macam [seperti] ini, memang tak [tidak] boleh nak buat [lakukan]. Saya takdan [tidak sempat] sebab [kerana] betul-betul kalut [sibuk] sekarang sebab [kerana] banyak kerja yang saya perlu berikan komitmen. *So* [Jadi], saya mohon maaf banyak-banyak dan terima kasih sangat-sangat kerana boleh paham [memahi] saya. Terima kasih

**AAB : Tidak mengapa Encik Azizi. Terima kasih.**

## **6.0 RALAT**

Semasa sesi temubual dijalankan terdapat ralat yang berlaku antaranya jaringan internet terputus-putus menyebabkan suara yang ditemubual tidak jelas. Selain itu, ralat lain yang berlaku adalah datang daripada bunyi orang yang mencelah, namun ianya tidak menjejaskan proses temubual, cuma bunyi itu terakam sekali ke dalam audio.

## 7.0 RINGKASAN

Muhammad Iskandar bin Zulkarnain dan Muhammad Ariff bin Abu Bakar telah selesai menemubual secara lisan mengenai latar belakang, sumbangan dan usaha bersama Encik Azizi Matt Rose, seorang atlet pemain bola sepak yang banyak menyumbangkan piala dan pencapaian kepada negeri Perlis sejak tamat sekolah lagi. Beliau yang berpengetahuan luas tentang sukan bola sepak dan salah seorang pemain pertahanan yang digeruni pemain bola sepak lain membantu penemu bual dengan menggunakan aplikasi pelantar atas talian iaitu WhatsApp di kediaman masing-masing. Sesi temubual yang berdurasi lebih kurang 1 jam 10 minit telah direkodkan sebagai bahan bukti dan sebagai kegunaan untuk proses transkrip. Sesi temubual telah dijalankan pada hari Ahad tanggal 19 Jun 2022 dan pada hari Selasa tanggal 19 Julai 2022. Mengenai biodata pula, Azizi Matt Rose dilahirkan pada 06 November 1981. Beliau dilahirkan di Hospital Kangar, Perlis dan sekarang berumur 41 tahun. Beliau merupakan anak jati Kangar dan sekarang tinggal serumah bersama isterinya serta 3 orang anaknya. Azizi Matt Rose telah bermain untuk pasukan bola sepak Malaysia yang membawa pulang pingat perak pada Sukan Asia 2010. beliau yang sering dikenali dengan nama panggilan "Mat Remm," membuat penampilan sulung seniornya di luar negara pada tahun 2005. Beliau berjaya diserap ke skuad senior negeri kelahirannya. Pada waktu itu merupakan zaman kegemilang Perlis yang menjadi gergasi bola sepak Malaysia pada 2002-2006. Tugas beliau sebagai pertahanan membuatkan beliau berpeluang menganggotai skuad untuk kejohanan Piala Asia 2007. Bersama Perlis, beliau berjaya mendakap Liga Super dan Piala Malaysia untuk dua tahun( 2004 dan 2006).



## 8.0 LOG TEMUBUAL

MASA	RINGKASAN	CATATAN
1.13	Latar belakang diri orang sumber	<ul style="list-style-type: none"><li>• Azizi Matt Rose</li><li>• Matt Remm</li><li>• Perlis</li><li>• Tanggal 06 November 1981</li><li>• Hospital Kangar</li><li>• Matt Rose Bin Hamid</li><li>•</li><li>• Anak keempat</li></ul>
8.22	Hobi ketika waktu lapang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menimba ilmu</li><li>• YouTube</li><li>• Memancing</li><li>• Membantu isteri</li><li>• Latihan</li></ul>
12.15	Latar belakang pengajian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sekolah Kebangsaan Seri Tunjong , Kangar</li><li>• Sekolah Menengah Tengku Sulaiman, Kangar</li></ul>
15.44	Pengalaman sekolah menengah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pertandingan Bola Sepak antara sekolah-sekolah Perlis</li></ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakil sekolah</li> </ul>
15.44	Mewakili sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1988 sekolah rendah dan 1994 di sekolah menengah</li> <li>• MSSD</li> </ul>
35.48	Rakan seperjuangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaironnizam Sahabudin Fazli</li> </ul>
44.25	Kecederaan yang dialami	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ACL di lutut</li> <li>• Tersilap teknik Keletihan otot</li> </ul>
53.34	Kenangan manis dan pahit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia Cup 2004</li> <li>• Pertama kali menjadi juara untuk kelab Perlis</li> <li>• <i>Perfect game</i></li> <li>• Pelapis Perlis</li> </ul>
21.21	Idola	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nabi Muhammad S.A.W</li> <li>• Arab</li> <li>• Pesuruh Allah</li> </ul>

## 9.0 KESIMPULAN

Seperti mana orang lain pernah merasakan kegagalan dalam bidang lain yang diusahakan, Azizi Matt Rose turut tidak terkecuali daripada merasai pahit manis bergelar pemain bola sepak tempatan. Namun begitu, beliau tidak sama-sekali membiarkan cabaran tersebut sebagai sesuatu yang akan merencatkan impian beliau untuk terus berusaha untuk berlatih bersungguh- sungguh untuk menjadi seorang pemain bola sepak yang berjaya. Hendaklah senantiasa bersedia dan bersabar melakukan persiapan penting dengan melakukan latihan intensif dan lebih terhadap kejohanan yang mendatang.

Natijahnya, pengkaji dapat mengumpul maklumat mengenai sukan bola sepak yang diperoleh daripada Encik Azizi Matt Rose yang merupakan atlet bola sepak untuk memastikan kajian ini selesai dengan teratur. Kajian yang dilaksanakan melalui proses temubual ini akan memberikan sedikit gambaran tentang usaha yang dilakukan oleh seorang atlet untuk mencapai matlamat yang ingin dikecapi. Akhirnya, sukan bola sepak Malaysia memainkan peranan penting dalam mengharumkan nama negara yang merupakan salah satu modal negara untuk berada di puncak dunia.

## **10.0 INDEKS**

Latihan 26, 29, 31-32, 35, 38, 40-41

Perlis 4, 9-10, 14-19, 21-25, 29-34, 49-50, 59-6

Piala Malaysia 14, 24-26

Azizi Matt Rose 9, 21-25, 29

Padang 26-27, 29, 30

## 11.0 RUJUKAN

Strack-Zimmermann, B. (n.d.). *Malaysia*. National Football Teams. Retrieved July 20, 2022, from [https://www.national-football-teams.com/player/21690/Azizi\\_Matt\\_Rose.html](https://www.national-football-teams.com/player/21690/Azizi_Matt_Rose.html)

Ridzuan, A. (2020, January 19). *Amateur Football League (AFL) Umum Penstrukturan semula Liga M3, 20 Pasukan Dalam Saingan Musim 2020*. VOCKET FC. Retrieved July 20, 2022, from <https://www.vocketfc.com/amateur-football-league-afl-umum-penstrukturan-semula-liga-m3-20-pasukan-dalam-saingan-musim-2020/>

User, S. (n.d.). *Football (soccer) rules*. Football Rules: How To Play Football/Soccer | Rules of Sport. Retrieved July 15, 2022, from <https://www.rulesofsport.com/sports/football.html>

## **12.0 BIOGRAFI TOKOH**

Azizi Matt Rose adalah seorang yang rendah diri dan peramah tetapi pada masa yang sama, beliau telah lama berjasa kepada negara kita iaitu Malaysia. Beliau merupakan pemain bola sepak kebangsaan yang telah berusia 41 tahun daripada Kangar, Perlis. Beliau dilahirkan pada 06 November 1981. Azizi Matt Rose telah bermain untuk pasukan bola sepak Malaysia yang membawa pulang pingat perak pada Sukan Asia 2010. beliau yang sering dikenali dengan nama panggilannya "Matt Remm," membuat penampilan sulung seniornya di luar negara pada tahun 2005. Beliau berjaya diserap ke skuad senior negeri kelahirannya. Pada waktu itu merupakan zaman kegemilang Perlis yang menjadi gergasi bola sepak Malaysia pada 2002-2006. Tugas beliau sebagai pertahanan membuatkan beliau berpeluang menganggotai skuad untuk kejohanan Piala Asia 2007. Bersama Perlis, beliau berjaya mendakap Liga Super dan Piala Malaysia untuk dua tahun( 2004 dan 2006).

## 13.0 SURAT KEBENARAN TOKOH

www.uitm.edu.my



Fakulti  
Pengurusan  
Maklumat

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)  
Tarikh : 1 June 2022

B5-B6, Arked Simpang Empat,  
Jalan Kangar-Alor Setar,  
02700, Simpang Empat,  
Perlis.  
(Azizi Matt Rose)

Tuan,

### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

- Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam memohon kebenaran untuk melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik dengan menemubual tokoh yang berpengalaman dalam bidang bola sepak.
- Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" (IMR 604).
- Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Muhammad Iskandar Bin Zulkarnain	2020816842	019-4545888
Muhammad Ariff Bin Abu Bakar	2020869302	011-21923208

- Untuk rujukan pihak tuan, bersama-sama ini dilampirkan beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini.
- Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

**MOHD NAZIR BIN AHMAD**  
PENSYARAH KANAN/PENYELIA  
b.p: Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat

Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana  
40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA  
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148  
Faks: (+603) 7962 2007  
Web: [fim.uitm.edu.my](http://fim.uitm.edu.my)



## 14.0 PERJANJIAN BERSAMA ENCIK AZIZI BIN MATT ROSE



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya AZIZI BIN MATT ROSE K/P: \_\_\_\_\_ pada 12 MEI 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh (Sila isi bahagian ini )  
Tarikh:

.....  
(Mohd Nazir Ahmad)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA



## 15.0 SENARAI SOALAN UNTUK TOKOH

### Orientation questions -

- a. Latar belakang temubual
- b. Latar belakang keluarga
- c. Latar belakang pendidikan
- d. Latar belakang kerjaya
  1. Adakah encik mempunyai nama samaran atau nama panggilan?
  2. Encik ada apa-apa nama gelaran yang diberikan oleh orang lain?
  3. Bilakah encik dilahirkan?
  4. Dimanakah encik dilahirkan?
  5. Dimanakah encik dibesarkan?
  6. Berapakah umur encik pada tahun ini?
  7. Dimanakah encik menetap sekarang?
  8. Nama ibu dan bapa encik?
  9. Boleh ceritakan sedikit berkenaan ibu dan bapa encik dan bagaimana mereka berjaya mendidik encik menjadi insan yg berjaya?
  10. Bilangan adik beradik encik?
  11. Adik beradik encik semua tinggal di kawasan yg sama dengan encik?
  12. Pada tahun berapa encik mendirikan rumah tangga?
  13. Siapakah nama isteri encik?
  14. Apakah pekerjaan isteri encik sekarang?
  15. Berapakah bilangan anak encik dan siapakah mereka?
  16. Berapa umur anak encik sekarang?
  17. Boleh encik beritahu kami serba sedikit mengenai anak encik? Apa minat dia di usianya pada waktu ini ya?
  18. Adakah encik ada menerima pendidikan awal di tadika dan di manakah ia?
  19. Bagaimana pula dengan sekolah rendah?
  20. Sekolah menengah encik?
  21. Encik ada pegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah rendah dan sekolah menengah?
  22. Pencapaian tertinggi yang encik telah berjaya capai di sekolah menengah?
  23. Dimanakah encik sambung belajar di peringkat universiti?

24. Apakah jurusan yang diambil?
25. Adakah encik aktif sewaktu di universiti? Apakah persatuan atau kelab yang encik sertai?
26. Kenangan yang encik tidak boleh lupakan ketika pengajian di universiti?
27. Pencapaian terbaik yang pernah encik perolehi sewaktu sepanjang pengajian di universiti?
28. Rahsia kejayaan encik untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran?

1. Boleh encik kongsi tip untuk bahagikan masa dengan baik sewaktu di universiti?
2. Adakah encik pernah terlibat dengan aktiviti persatuan/ kelab yang dianjurkan pihak universiti?

---

3. Apakah pekerjaan awal encik setelah tamat pengajian?
4. Apakah pekerjaan encik sekarang?
5. Boleh ceritakan kenapa encik berminat untuk menceburi bidang pekerjaan encik sekarang?
6. Apakah sumbangan encik di tempat kerja yang encik ingati sehingga kini?
7. Adakah situasi pandemik Covid-19 sekarang memberi kesan atau perubahan dari segi pekerjaan encik?
8. Adakah encik memiliki pekerjaan sampingan selain pekerjaan sekarang?
9. Apakah aktiviti yang encik sering lakukan luar dari waktu berkerja? Misalnya, aktiviti sukan.
10. Boleh encik kongsi pengalaman atau nasihat di alam pekerjaan yang perlu kami ketahui?
11. Apakah cita-cita encik ketika waktu kecil ?

### Common questions -

- a. Soalan berkenaan tentang sejarah bola sepak, pengenalan yang sedang dikaji
- b. Bincang tajuk umum berkenaan sukan bola sepak, sejarah, etc
  1. Boleh encik jelaskan apakah sukan bola sepak ini sebenarnya?
  2. Bilakah sukan bola sepak mula diperkenalkan di Malaysia?
  3. Ada tak persatuan yang ditubuhkan di Malaysia yang khusus untuk sukan ini sahaja?
  4. Siapakah yang mula memperkenalkan sukan bola sepak di Malaysia ?
  5. Siapakah presiden atau ketua yang awal mengetuai sukan bola sepak di Malaysia pada zaman Encik?
  6. Pada waktu awal pengenalan sukan bola sepak, adakah ramai orang yang berminat untuk menceburinya?
  7. Adakah sukan ini boleh disertai oleh semua jantina?
  8. Adakah lelaki lebih cenderung untuk menyertai sukan ini berbanding wanita?

Boleh encik beritahu kenapa?

9. Kenapa sukan ini giat diperkenalkan dan diceburi di universiti?
10. Adakah majoriti universiti tempatan menubuhkan kelab sukan bola sepak pada ketika itu?
11. Apakah maklumat asas sukan bola sepak?
12. Apakah jenis pertandingan di bawah sukan bola sepak?
13. Ada kelulusan atau sijil tertentu untuk sertai sukan bola sepak?
14. Dari segi fizikal apakah kriteria yang diperlukan oleh seseorang untuk menyertai sukan ini?
15. Dari segi mental?
16. Apakah ciri-ciri selain fizikal dan mental yang perlu ada pada seorang atlet bola sepak ?
17. Apakah otot-otot yang terlibat apabila mengendalikan bola sepak ?
18. Apakah peralatan yang digunakan untuk sukan ini?

1. Adakah terdapat jenis-jenis cara bola sepak?
2. Selain teknik mengelecek, teknik lain apakah yang penting dalam sukan bola sepak?
3. Apakah peraturan sukan tersebut?
4. Bagaimana kedudukan posisi bola sepak ditentukan?
5. Adakah sukan ini memerlukan kos yang tinggi?
6. Apakah faedah yang akan diperolehi dengan sukan bola sepak?
7. Dari segi strategi perlumbaan, apakah yang perlu dipraktikkan ?
8. Boleh encik bagitahu apakah itu “Beep Test” ?
9. Siapakah wakil pertama yang membawa nama Malaysia ke antarabangsa dalam sukan bola sepak ini ?
10. Negara manakah yang paling banyak meraih kemenangan dalam sukan bola sepak ini ?

### Specific questions -

To gain information about interviewee's personal experience - tanya lebih specific berkenaan sukan bola sepak. Contohnya:

- a. Bila mula berminat untuk ceburi bidang sukan ini
- b. Pengalaman manis ketika mewakili Malaysia
  1. Pada tahun bila encik mula menceburi bidang sukan bola sepak?
  2. Berapakah umur encik sewaktu itu?
  3. Di manakah tempat permulaan encik mengetahui tentang sukan ini?
  4. Apakah faktor yang menarik minat encik untuk sertai sukan tersebut?
  5. Siapakah orang terawal yang memperkenalkan encik kepada sukan ini?
  6. Siapakah nama jurulatih encik ketika itu?
  7. Siapakah idola atau tokoh yang encik kenali dalam sukan bola sepak ini ?
  8. Mengapa encik meminati beliau dan dijadikan sebagai idola ?
  9. Selain di dalam Malaysia, ada tak tokoh dari luar negara yang dijadikan sebagai inspirasi ?
  10. Siapakah disebalik kejayaan encik dalam bidang sukan ini ?
  11. Adakah ramai orang sekeliling yang menyokong encik dalam bidang sukan ini?
  12. Sebagai seorang atlet bola sepak, adakah encik dapat membahagikan masa dengan baik ?
  13. Encik ada dikenakan apa-apa bayaran apabila menyertai sukan ini? Kos untuk pergi ke pertandingan dan sebagainya.
  14. Siapa yang banyak menyumbang dari segi kewangan kepada encik ketika menyertai sukan ini?
  15. Boleh encik ceritakan apa reaksi keluarga encik apabila mengetahui encik mula menceburi bidang sukan bola sepak?
  16. Bilakah pertama kali encik mula menyertai pertandingan dalam bidang sukan ini?
  17. Bagaimana proses pemilihan peserta untuk mewakili Malaysia dilakukan?
  18. Apakah perasaan encik apabila terpilih sebagai wakil Malaysia ke peringkat antarabangsa?
  19. Adakah saingan sihat di antara peserta yang ingin mewakili Malaysia sangat sengit pada ketika itu?

1. Boleh encik ceritakan tentang kesemua pertandingan di dalam bidang sukan ini yang encik pernah sertai?
2. Adakah kemenangan atau kejayaan terbesar encik sepanjang menyertai aktiviti sukan bola sepak?
3. Adakah pengalaman manis yang encik masih tak dapat lupakan sepanjang penglibatan dalam sukan ini?
4. Adakah encik pernah mengalami kecelakaan atau cedera ketika melakukan sukan ini ?
5. Adakah encik berpuas hati dengan rakan seperjuangan ketika menyertai sukan ini ?
6. Ketika menyertai sukan ini, adakah pernah berlaku perbalahan atau pertengkaran dengan rakan seperjuangan ?
7. Adakah elemen yang perlu ada dalam berpasukan yang encik praktikkan?
8. Adakah encik masih menghubungi rakan seperjuangan sehingga kini ?
9. Adakah masalah-masalah yang berbangkit daripada penyertaan bidang sukan ini?
10. Setakat ini, adakah sukan bola sepak yang encik pernah sertai masih diadakan ketika situasi pandemik COVID-19 ?
11. Pada pandangan tuan, adakah bentuk latihan yang terbaik encik pernah pelajari ?
12. Kalau encik diberikan peluang, adakah encik sudi memberikan ceramah berkaitan sukan ini kepada orang awam ?
13. Berdasarkan pengalaman encik, adakah ciri-ciri tempat yang sesuai untuk menjalankan aktiviti sukan ini?
14. Ketika encik menyertai sukan ini, adakah encik terinspirasi dengan wakil negara luar ?
15. Apa hebatnya negara luar jika nak dibandingkan dengan wakil negara kita ?
16. Adakah segala ilmu dan kemahiran yang encik ada dalam bidang sukan ini akan diturunkan ke waris encik akan datang ?
17. Adakah harapan tuan terhadap bidang sukan ini dan perancangan akan datang?
18. Secara peribadi, adakah encik akan mempertahankan sukan ini? Wajar atau tidak untuk sukan ini mula dipergiatkan semula di Malaysia?

## 16.0 DIARI PENYELIDIKAN

Tarikh	Masa	Aktiviti	Tindakan
10/3/2022	9.00 AM	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sir Nazir memberikan penerangan berkenaan tugas sejarah lisan</li><li>2. Pembentukan kumpulan</li></ol>	Selesai pada 3/6/22
20/3/2022	10.00 PM	Pemilihan tajuk bagi tugas sejarah lisan sama ada topical atau biografi serta nama tajuk	Tajuk biografi telah dipilih iaitu Perjalanan Kerjaya Pemain Bola Sepak: Encik Azizi Matt Rose diluluskan oleh Sir Nazir.
30/3/2022	5.00 PM	Mengenalpasti orang sumber bagi tugas kajian sejarah lisan	Tokoh dikenalpasti iaitu Encik Azizi Matt Rose
1/4/2022	1.00 PM	Menghubungi orang sumber	Orang sumber berjaya dihubungi
7/4/2022	9.00 AM	Sir Nazir menerangkan tentang surat kebenaran bagi menjalankan kajian/temubual bersama orang sumber.	Siap
12/5/2022	9.00 AM	Menghantar surat kebenaran temubual untuk mendapatkan tandatangan Sir Nazir bagi meneruskan kajian.	Berjaya mendapat tandatangan daripada Sir Nazir
2/6/2022	11.00 PM	Persiapan draf pertama senarai soalan bagi temubual bersama orang sumber.	Telah Berjaya disemak dan diperbetulkan oleh Sir Nazir.
19/6/2022	10.00 PM	Membuat pembahagian tugas bagi sesi temubual bersama orang sumber pertama, Encik Azizi Bin Matt Rose	Berjaya diselesaikan.
20/6/2022	10.00 PM	Menyemak rakaman temubual pertama bagi sebarang ralat.	Terdapat ralat dan perlu temubual semula
19/7/2022	10.00 PM	Menemu bual semula tokoh pertama	Berjaya diselesaikan
19/7/2022	8.00 PM	Menghubungi orang sumber kedua bagi pemilihan tarikh temubual.	Berjaya dihubungi



20/7/2022	10.00 PM	Memulakan penulisan awal transkrip bagi temubual pertama.	Selesai melakukan transkrip
22/7/2022	9.00 AM	Mencetak transkrip	Selesai mencetak

## 17.0 GAMBAR, PIALA DAN BAHAN-BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



*Gambar 1: Encik Azizi Matt Rose bersama pingat yang diperolehinya dan di belakang adalah gambar Encik Azizi Matt Rose bersama semua kelab yang pernah beliau bermain.*





*Gambar 2: Encik Azizi Matt Rose bersama pingat dan gambar bersama skuad bola sepak Malaysia*





*Gambar 3: Encik Azizi Matt Rose Bersama piala pemain terbaik sepanjang karier beliau.*